Kosmo!
SUARA KONTEMPORARI

05 APRIL 2018

# Polis Maghribi rampas 241,319 pil ekstasi

## Polis Maghribi rampas 241,319 pil ekstasi

**RABAT, Maghribi** – Polis Maghribi merampas sejumlah 241,319 pil ekstasi di pelabuhan Tangier, utara negara berkenaan, lapor agensi berita *Xinhua* kelmarin.

Rampasan tersebut adalah yang terbesar di negara itu tahun ini.

*Xinhua* memetik agensi berita rasmi Maghribi, *Maghreb Arab Press (MAP)* berkata, dadah jenis psikotropik itu dirampas dari sebuah kenderaan pacuan empat roda yang tiba dari Eropah.

Dua individu yang berada di dalam kenderaan itu juga telah ditahan, kata kenyataan polis.

Operasi itu adalah sebahagian daripada usaha pasukan keselamatan Maghribi dalam memerangi rangkaian penyeludupan dadah antarabangsa. – Bernama